

>> **Mangsa melecur 80 peratus di badan manakala anak lelaki, menantu dan cucunya tidak cedera**

HARIAN METRO



Untuk video lengkap
www.hmetro.com.my/mymetrotv



KEADAAN dinding unit pangsapuri tingkat 20 di Jalan Paya Terubong selepas berlaku letupan.

Api rokok bapa sambar gas bocor

■ Dinding pangsapuri tingkat 20 runtuh akibat letupan

Hadzilhady Hassan
hadzilhady@hmetro.com.my

Georgetown

“Saya dengar letupan kuat dan nampak jiran keluar rumah dalam keadaan rambut serta badan terbakar,” kata seorang wanita yang hanya mahu dikenali sebagai Dewi, 30-an menceritakan kejadian letupan di tingkat 20 Pangsapuri Green Garden, Jalan Paya Terubong di sini, semalam.

Menurutnya, ketika kejadian kira-kira jam 8 pagi dia menonton televisyen di rumahnya di tingkat 21 pangsapuri itu sebelum mendengar bunyi letupan.

“Saya mengintai melalui tingkap dan terkejut apabila melihat dinding rumah jiran sudah runtuh manakala penghuninya berlari keluar dalam keadaan terbakar.

“Saya mengintai melalui tingkap dan terkejut apabila melihat dinding runtuh manakala penghuninya berlari keluar dalam keadaan terbakar”

Dewi

“Ketika itu, saya hanya mampu menjerit meminta tolong supaya memadam api di badan jiran kerana ramai hanya sibuk merakam gambarnya,” katanya yang ditemui di lokasi kejadian.

Dalam kejadian itu, penghuni rumah terbabit, Lee Kok Eang, 62, melecur 80 peratus di badan manakala anak lelaki, menantu dan cucunya tidak mengalami kecederaan.

Difahamkan, kejadian berlaku dipercayai akibat

kebocoran gas memasak dan ketika itu, mangsa dikatakan menyalakan api untuk menghisap rokok.

Percikan daripada pemetik api itu menyebabkan ia menyambar gas yang bocor hingga berlaku letupan kuat.

Sementara itu, anak mangsa Lee Chye Soon, 38, berkata, ketika kejadian dia bersama isteri dan anak tidur dalam bilik manakala bapanya pula berada di ruang tamu.

“Saya dengar bunyi letupan kuat dan sebaik keluar melihat bapa mengalami kecederaan dengan pemetik api serta rokok berada berhampirannya sebelum membawanya ke hospital.

“Memang ada bau gas yang kuat dan saya kemudian terus mencabut kepala hos penyambung gas,” katanya.

Lee berkata, dia tinggal di rumah terbabit bersama bapa sejak 15 tahun lalu dan bersyukur kerana isterinya

yang kini hamil tujuh bulan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Paya Terubong Muzamer Mohd Salleh berkata, pihaknya menerima panggilan jam 8.23 pagi dan tiba di lokasi tiga minit kemudian.

“Sembilan anggota bersama satu jentera bergegas ke lokasi kejadian dan sebaik tiba kita mendapati seorang mangsa lelaki mengalami kecederaan dan dikejarkan ke hospital.

“Siasatan juga mendapati dua rumah terjejas akibat dinding runtuh di koridor dan juga bahagian belakang kerana letupan yang berlaku sebelum itu,” katanya.

Menurutnya, sebuah rumah mengalami 60 peratus kerosakan manakala sebuah lagi hanya 20 peratus rosak dan punca kejadian serta jumlah kerugian masih dalam siasatan.

